

KHAMIS, 25 SEPTEMBER, 1980

Peranan pentadbir profesional

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa pentadbir amatur tiada lagi tempatnya di dalam masyarakat Malaysia semasa. Proses pembangunan sosio-ekonomi yang pesat telah menjadikn fungsi dan proses pentadbiran negara kian sukar dan kompleks ini jelas. Oleh itu wajarlah yang tugas-tugas pentadbiran kerajaan dipertanggungkan ke atas bahu para pentadbir yang profesional yang bukan sahaja berupaya untuk memahami konsep-konsep pentadbiran dan pengurusan moden tetapi juga menterjemahkannya kepada amalan-amalan yang praktik dan berkesan. Dengan terbentuknya Dasar Ekonomi Baru matlamat pembangunan masyarakat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah diberikan keutamaan dasar yang terpenting.

Selain dari itu dengan penentuan kuantiti objektif pembangunan yang harus dicapai menjelang tahun 1990 prestasi kerajaan tahun demi tahun akan dapat dan perlu diukur. Ini telah memperkuat kesedaran dan harapan kerajaan untuk mempertinggi pengeluaran perkhidmatan pentadbiran awamnya dan memperbaiki kadar keberkesanannya. Perkhidmatan pentadbiran awam ialah jentera penggerak yang terpenting dalam memastikan yang cita-cita kerajaan dan aspirasi rakyat dapat dicapai. Dengan bertambahnya program-program pembangunan beban-tugas pentadbiran awam ternyata telah menjadi bertambah berat. Pada hari ini di samping lebih dari dua puluh kementerian, jabatan dan badan-badan berkanun yang pentadbirannya secara langsung atau tidak bergantung kepada keupayaan dan tenaga Jabatan Pentadbiran Awam wujud pula sebilangan perusahaan dan perbadanan awam yang turut juga memerlukan tenaga pentadbiran dan pengurusannya.

Untuk menentukan yang negara sentiasa mempunyai pentadbir-pentadbir yang cekap dan efesyen berbagai langkah telah diambil. Syarat masuk ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik telah diperketat. Untuk menentukan supaya pegawai-pegawai tadbir mempunyai asas pengetahuan dan pengalaman profesional yang diperlukan berbagai peluang latihan pra dan dalam perkhidmatan disediakan untuk mereka. Juga pelancaran Operasi Isi Penuh dan periaksanaan Laporan Gaji Kabinet baru-baru ini malah bertujuan memperteguh jentera pentadbiran kerajaan. Langkah-langkah ini jika disokong dengan sikap dan minat kerja yang baik pasti akan dapat memperbaiki kualiti dan kadar pengeluaran khidmat pentadbiran negara.